Jumlah Anggaran Perbelanjaan yang di-sediakan di-bawah Kepala 52 untuk tahun 1967 menunjukkan kelebihan sa-banyak \$73,361 ia-itu \$1,263,850 bagi tahun 1966 berbanding dengan \$1,336,211 bagi tahun 1967. Kelebihan tersebut ada-lah di-sebabkan oleh terutama sa-kali kelebihan perbelanjaan di-bawah Gaji sa-banyak \$56,212.

Kelebihan perbelanjaan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang² Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas ada-lah masing²-nya sa-banyak \$4,000 dan \$12,149 sahaja. Kelebihan ini tiada besar dan ini ada-lah perkara biasa.

Tuan Pengerusi, tugas Jabatan Galian yang terutama sa-kali sa-bagaimana yang telah di-nyatakan dahulu juga ia-lah mengawal dan mengawasi pekerjaan mencharigali dan melombong dan juga bertanggung-jawab tentang menguat kuasakan undang² melombong supaya membolehi hasil² bumi negara ini di-laksanakan dengan lebeh penoh dan baik, maka Bahagian Penyelidikan Jabatan ini sentiasa menjalankan penyiasatan² untuk membaiki dan menchari chara² membilas logam dan melombong yang lebeh baharu dan moden. Bahagian Penyelidikan juga menjalankan pekerjaan Chawangan Gerudi Menyiasat Galian yang kini sedang menyiasat kandungan isi bumi di-kawasan² Simpanan Melayu dan di-kawasan² lain yang di-kehendaki untuk kemajuan lain daripada perlombongan.

Bijeh Timah

Sa-bagaimana kita sakalian ketahui maseh lagi menjadi pengeluaran hasil bumi negara yang agong. Sa-sungguh pun harga hitungan panjang bijeh timah tahun 1966 ada-lah kurang daripada tahun 1965, tetapi jumlah pengeluaran-nya telah menunjukkan kelebihan sa-banyak lebeh kurang lima peratus. Ada-lah di-harapkan atas pengeluaran tahun 1966 boleh di-senggarakan pada tahun 1967 juga.

Pengeluaran bijeh besi dan bauxite tersebut bagi tahun 1966 ada-lah kurang jika di-bandingkan dengan tahun 1965 dan oleh sebab kemerosotan simpanan bijeh² tersebut yang bermutu tinggi, maka atas pengeluaran-nya buat tahun² yang akan datang di-fikirkan akan jatuh.

Kepala S. 53—Ukor—Bagi Masaalah Gaji

Jumlah tambahan sa-banyak \$576,570 untuk tahun 1967 daripada tahun 1966 daripada \$7,425,919 kepada

\$8,002,489 ada-lah di-sebabkan oleh perkara² yang tersebut ini:

- (i) Pengkajian sa-mula gaji bagi Pembantu² Teknik dan Penyelenggara² Setor.
- (ii) Elaun Khas (kenaikan gaji) kepada pekerja² Bahagian IV.
- (iii) Kenaikan² Gaji yang biasa.
- (iv) Mengadakan beberapa jawatan baharu seperti tersebut—

Jawatan² baharu yang diwujudkan untuk tahun 1967 ia lah:

- (i) 2 jawatan Penjaga Jentera;
- (ii) 1 jawatan Juruteknik Rendah;
- (iii) 2 jawatan Operator Tali-pon;
- (iv) 2 jawatan Penjaga Bilek Rekod;
- (v) 1 jawatan Pembantu Teknik Tingkatan Khas sa-bagai ganti satu jawatan Pembantu Teknik.

Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun

Tambahan belanja² sa-banyak \$224,160 bagi "Cadastral and Topo Survey" ia-lah di-sebabkan oleh Elaun Khas (kenaikan gaji) yang di-beri kepada Pekerja² Perusahaan dan Buroh Kasar (I.M.G.).

Tambahan sa-banyak \$19,550 bagi "Pembaikan Alat²" ia-lah untuk membuat persediaan² yang perlu bagiENCHUCHI dan membaiki alat² Photogrammetry yang mahal yang mana memerlukan belanja pemeliharaan yang tinggi kerana sudah lama di-gunakan.

Tambahan sa-banyak \$20,000 bagi Sumbangan kepada Jabatan Ukur dan Tanah, Sarawak untuk Kerja² Persekutuan (Federal Works) ia-lah di-sebabkan oleh perbelanjaan yang bertambah oleh Kerajaan Sarawak.

Kesusutan sa-banyak \$20,000 juga ada-lah di-dapati di-dalam Pemeliharaan Kenderaan², Perahu² dan Jentera².

Perbelanjaan Khas

Tambahan bagi perbelanjaan jenis ini ia-lah sa-bagai persediaan bagi membeli sa-buah (1) Land Rover dan sa-buah (1) Truck bagi mengganti kenderaan² yang sudah burok.

S. 54—Kajibumi Malaysia Barat

Tuan Pengerusi, sekarang saya beredar kepada Kepala ini. Tambahan Perbelanjaan untuk jabatan ini ia-lah sa-banyak 4.8% daripada tahun yang lalu dan tambahan ini ia-lah untuk menghadapi perbelanjaan yang perlu bagi penyiasaan yang chekap oleh Jabatan Kajibumi bagi beberapa projek bersangkutan dengan kegunaan tanah dan juga mempergunakan puncha² galian dalam negeri ini.

Jabatan ini maseh meneruskan projek jangka-panjang-nya mengenai pemetaan asasi sistematik yang bersekit 1"—1 batu bagi seluruh negeri kita. Serentak itu pula, Jabatan ini juga menjalankan penyiasaan² jangka-pendek-nya bagi beberapa projek yang penting yang mempunyai hubungan rapat dengan kemajuan ekonomik yang telah di-ranchangkan. Penyiasaan kajibumi bagi Ranchangan Perbekalan Ayer Kuala Lumpur, untuk menaikan permintaan yang bertambah² berkenaan ayer untuk keperluan rumah-tangga dan perusahaan² ada-lah hampir selesai. Ranchangan Kemajuan Tanah Jengka Triangle sedang di-dalam penyiasaan kajibumi dan keputusan mengenai perbekalan ayer di-bawah tanah kawasan itu sedang di-taksirkan; ini akan membantu menetapkan dengan sempurna-nya pusat² kediaman dalam kawasan ranchangan ini. Bantuan² dalam penyiasaan² tapak untuk kerja² "hydro-electric" di-Sungai Ulu Perak telah selesai pada awal tahun 1966, dan Jabatan ini akan meneruskan usaha untuk memberikan minat yang chergas dalam kemajuan projek ini pada masa yang akan datang. Pertanyaan² yang lain berhubung dengan kemajuan dan pembahagian galian ekonomik, ayer di-bawah tanah, dan pembenaan kejuruteraan sedang di-selenggarakan. Tugas yang penting untuk mengadakan penilaian galian bagi kawasan² yang di-khaskan untuk

kemajuan tanah sedang di-ikuti dengan pantas-nya untuk mengelakkan salah-guna kapada bakal tanah lombong yang mungkin ada tersembunyi.

Penggunaan alat ma'mal yang paling baharu dan moden ada-lah perlu bagi pemereksaan² yang rumit dan berbagai² jenis bagi kajibumi negeri kita ini. Teknik² yang paling baharu dalam analisa X-ray sedang di-gunakan bagi memperbaiki kechepatan dan kecekapan analisa² galian.

Jabatan ini mempunyai beberapa jawatan Pegawai Kajibumi yang kosong, dan jawatan² ini akan dipenohi hanya apabila pelajar² kita lulus daripada universiti² dalam tempoh dua atau pun tiga tahun lagi. Untuk menambahkan tenaga pekerjaan bagi pegawai² kajibumi, permintaan sa-banyak 7 orang pegawai kajibumi untuk di-tempatkan dalam jabatan ini telah di-kemukakan kapada Kerajaan Canada di-bawah Rancangan Colombo. Dua orang Pegawai Kajibumi Canada telah tiba dalam tahun 1966 dan ada-lah di-harapkan bahawa yang lain-nya akan berada di-sini pada awal tahun 1967; sa-orang daripada pegawai Canada itu akan menumpukan tugas terhadap pengeluaran penerbitan², dua orang pegawai kapada penyiasatan kajibumi ekonomi dan yang lain sa-ramai empat orang lagi kapada bahagian pemetaan. Tafsiran foto udara atau pun aerial photograph akan di-gunakan terutama bersangkutan dengan projek Land Capability Classification.

S. 55—Hutan

Anggaran Tahun 1967 bagi jabatan ini ada-lah sa-banyak \$1,813,069 berbanding dengan \$1,655,837 bagi tahun 1966 ia-itu pada keselurohan-nya bertambah sa-banyak \$157,232. Butiran² perbelanjaan bagi tahun 1967 ada-lah seperti berikut:

(1) Gaji	...	...	\$1,228,469
(2) Lain ² Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun	...	...	500,600
(3) Perbelanjaan Khas	...	...	84,000

Gaji

Anggaran ini ada-lah menunjukkan pembayaran gaji telah bertambah sa-

banyak \$117,172. Tambahan ini bukan sahaja untuk bayaran kenaikan gaji tahunan bagi pegawai² yang ada tetapi juga bagi 6 jawatan baharu yang telah di-wujudkan, ia-itu:

(1) Sa-orang Pegawai Perchubaaan	...	...	Bahagian II
(2) Sa-orang Jurutrenkas Melayu	...	...	Bahagian III
(3) Sa-orang Kerani Perkhidmatan 'Am	...	...	Bahagian III
(4) Sa-orang Juruteknik Muda	...	...	Bahagian III
(5) Sa-orang Jurutaip	...	...	Bahagian III
(6) Sa-orang Budak Pelayan	...	...	Bahagian IV

Butiran 4 ia-itu Timbalan Pemelihara Hutan dalam latehan Tambahsantara menentukan 4 jawatan dalam tahun 1967 berbanding dengan 6 jawatan dalam tahun 1966. Jawatan ini di-adakan ia-lah untuk bayaran gaji 4 orang pegawai yang mana pada masa ini sedang menuntut di-luar negeri untuk mendapat ijazah kehutanan dan di-jangka pulang ka-tanah ayer kita dalam tahun 1967 bagi memegang jawatan dalam jabatan ini. Mereka² ini adalah di-kehendaki menjalani latehan selama lebeh kurang enam bulan di-Pusat Penyelidikan di-Kepong.

Lain² Perbelanjaan—Berulang Tiap² Tahun

Sungguh pun ada tambahan sa-banyak \$30,700 perbelanjaan di-satengah² Pechahan-kepala yang telah di-kurangkan di-mana yang boleh. Tambahan² itu ia-lah di-Pechahan-kepala seperti yang berikut:

- (1) Pechahan-kepala 4—Penyenggaraan Bangunan dan Jalan
- (2) Pechahan-kepala 8—Penyelidek
- (3) Pechahan-kepala 9—Pengangkutan dan Perjalanan

Tambahan sa-banyak \$14,300 daripada anggaran tahun 1966 di-bawah Pechahan-kepala 4 perlu bagi menjalankan rancangan Penyenggaraan Rumah² Tempat Tinggal di-Pusat Penyelidikan di-Kepong. Di-pusat tersebut ada lebeh kurang 140 buah rumah tempat tinggal dan kebanyakannya di-perbuat daripada kayu, dan oleh kerana perbelanjaan pada tahun² yang lampu tidak menchukupi, rancangan ini tidak dapat di-jalankan di-masa itu. Di-bawah Pechahan-kepala

ini juga terdapat peruntukan bagi penyenggaraan tambahan sa-batang jalan baharu dan juga jambatan² di-pusat tersebut. Tambahan peruntukan di-bawah Pechahan-kepala 8—Penyelidek—ia-lah untuk bayaran gaji dan kerja lebeh masa kepada tambahan buroh² dan pemandu² yang di-kehendaki bekerja di-beberapa chawangan penyelidek di-pusat tersebut. Di-bawah Pechahan-kepala 9 pula tambahan sa-banyak \$20,000 di-untukkan bagi bayaran perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan bagi Pegawai² di-Bahagian I dan juga bagi pegawai² yang lain yang tetap bertugas dalam projek² Pembangunan yang mana belanja² perjalanan mereka di-bayar daripada peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun² yang lampau.

Perbelanjaan Khas

Perbelanjaan Khas ada menunjukkan peruntukan sa-banyak \$84,000 berbanding dengan \$74,360 dalam tahun 1966 yang lalu. Keseluruhan-nya bertambah sa-banyak \$9,360. Tambahan yang terbesar sa-kali dalam Perbelanjaan Khas ini ia-lah di-bawah Pechahan-kepala 12—Perchetakan dan Penerbitan bagi menchetak buku Symington Manual, sa-buah terbitan yang di-fikirkan sangat berguna kepada pegawai² baharu di-jabatan ini. Di-bawah Pechahan-kepala ini juga terdapat peruntukan bagi segala perbelanjaan menerbitkan Malayan Research Pamphlets.

S. 56—Jabatan Mergastua

Tuan Pengerusi, jabatan ini ada-lah jabatan yang kechil sa-kali di-bawah Kementerian saya dan saya akan membelanjakan sa-banyak \$261,196 dalam tahun ini berbanding dengan \$221,674 bagi tahun 1966, ia-itu pada keseluruhan-nya bertambah sa-banyak \$39,522. Tambahan ini yang besar-nya di-sebabkan oleh kenaikan gaji tahunan dan juga di-sebabkan oleh bayaran elaun khas kepada pekerja² dalam Division IV.

Jabatan ini telah mendapat perkhidmatan sa-orang pakar penghidupan Bintang² Liar atau Wild-life Expert daripada Canada dan dengan ini

jabatan ini berazam untuk menumpukan segala tenaga-nya yang boleh untuk membuat penyiasatan yang mendalam mengenai wild-life yang kian lama tidak di-buat kerana ketiadaan pegawai yang pakar. Jabatan ini, dengan adanya pakar itu, akan membuat kajian² tertentu dan akan mengeshorkan laporan-nya untuk di-gunakan sa-bagai policy jabatan dan juga untuk di-gunakan sa-bagai satu bahagian di-dalam dasar penggunaan tanah Persekutuan.

Oleh kerana ranchangan pembangunan yang pesat, banyak kawasan² hutan di-tebang dan ini menyebabkan binatang² liar pergi dari satu tempat ka-tempat lain dan ada masa-nya merosakkan tanaman². Walau bagaimanapun Jabatan Mergastua yang ditugaskan untuk melindungi binatang² liar, di-samping mempertahankan jiwa manusia dan juga harta benda mereka daripada anchaman binatang², telah mengawal ini semua dengan jaya-nya.

S. 57—Jabatan Orang Asli

Tuan Pengerusi, peruntukan bagi tahun 1967 ia-lah saperti berikut:

Pechahan-kepala	Tajok	Anggaran
1.	Gaji	\$1,039,506
2.	Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun	1,125,647
3.	Perbelanjaan Khas	40,249
Jumlah		\$2,205,402

Peruntukan ini ada-lah \$286,392 lebeh daripada peruntukan bagi tahun 1966. Tambahan ini telah di-adakan oleh kerana sebab² yang akan saya terangkan ini.

Gaji

Sa-banyak \$129,830 telah di-tambah oleh kerana jawatan² saperti berikut telah di-adakan. Satu Timbalan Pesuruhjaya Orang Asli (Penyelidekan) yang di-wujudkan oleh kerana sa-orang penuntut dari Australia akan kembali untuk menolong menjalankan tugas² penyelidekan Anthropology; juga 14 jawatan Pembantu Orang Asli di-wujudkan untuk bertugas di-dalam post perubatan di-pendalaman hutan yang

telah siap di-benakan. Sa-lain daripada itu, tambahan ini ia-lah kerana kenaikan gaji tahunan.

Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun (O.C.A.R.)

Tambahan sa-banyak \$142,438 untuk pengangkutan di-perlukan oleh kerana berkembang-nya usaha² di-dalam bidang Ranchangan Luar Bandar, Kebajikan Orang Asli, terutama sekali untuk Pelajaran, oleh kerana murid² sekolah Orang Asli akan bertambah, dan juga penyelenggaraan bagi hospital di-Ulu Gombak dan pos² perubatan yang telah di-tambah di-pendalaman hutan.

Perbelanjaan Khas

Sa-banyak \$14,124 telah di-tambahkan. Tambahan ini ia-lah untuk membeli alat² perkakas jabatan di-pejabat baharu Kuala Rompin dan juga tambahan bagi Ibu Pejabat di-Jalan Parry untuk Timbalan Pesuruhjaya Orang Asli (Penyelidekan), bayaran elaun untuk pekerja² sukarela dari sa-berang laut, yang akan di-tambah untuk bertugas di-hospital Orang Asli Ulu Gombak; dan juga membeli injin perahu² baharu sa-bagai ganti yang lama yang tidak boleh di-pakai lagi.

Tuan Pengerusi, sekian-lah sahaja penjelasan saya dan dengan ini saya mengemukakan supaya peruntukan di-bawah Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian ia-itu Kepala S. 50 hingga kepada Kepala S. 57 yang berjumlah sa-banyak \$22,360,802 menjadi sa-bahagian daripada jadual Undang² Perbekalan Tahun 1967.

Tuan Abdul Razak bin Hussin: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya menyokong peruntukan Kementerian ini. Tetapi, walau macham mana pun, saya suka hendak memberi pandangan saya dan ucapan tahniah saya kepada Jabatan Orang Asli. Saya fikir Jabatan Orang Asli di-negara kita sekarang ini boleh di-katakan satu jabatan yang boleh di-banggakan bila kita bandingkan dengan keadaan negara jiran kita. Di-negeri Thailand umpama-nya, ada beberapa banyak orang asli yang maseh berkeliaran dan

maseh tidak dapat di-satukan di-antara satu puak dengan satu puak berbanding dengan orang asli yang ada dalam negara kita sekarang ini, bukan sahaja sedang kita satukan, telah kita bagi kedudukan yang baik, bahkan telah menjadi pengundi dan ra'ayat yang berguna dalam negeri ini. Jadi, saya bagi pihak satu kawasan yang banyak mengandongi orang asli, menguchapkan terima kaseh banyak.

Tetapi walau macham mana pun, Tuan Pengerusi, dalam sa-buah negara yang moden sekarang ini, kita ta' hendak-lah di-negara kita ini ada orang asli. Kita mesti membuat jangka panjang yang kita patut bentangkan sekarang ini—bila matalamat kita dalam Malaysia yang berbahagia ini tidak ada lagi orang² asli—kita mahu orang asli sekarang ini mengambil pentadbiran dalam negara kita. Kita ta' mahu lagi ada satu kaum yang bukan asli dan satu kaum lagi ada orang asli. Jadi, sekarang ini saya hendak berchakap panjang dalam masalah ini, dan saya akan berchakap panjang dalam Bill pindaan yang akan di-kemukakan dalam Dewan yang nanti. Tetapi, walau macham mana pun, saya berharap kepada Menteri Yang Berhormat, tidak ada orang asli di-Sabah, tidak ada orang asli di-Sarawak, tetapi ada orang asli di-Malaysia—di-Malaysia Barat. Jadi, matalamat kita sekarang ini kita mesti menumpukan dalam satu ranchangan yang pendek, bahawa tahun sa-kian, kalau boleh, kita berharap orang asli akan bukan sahaja jadi ra'ayat yang berhak mengundi dalam negeri kita ini dan mempunyai pelajaran, tetapi mengambil bahagian dalam negeri kita sa-bagai-mana ra'ayat² yang lain.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap tentang orang asli ini ia-lah berhubung dengan perubatan. Kita ada team perubatan, tetapi ada kawasan² yang saya fikir team perubatan ini tidak sampai. Jadi, bagi harapan saya, kita harus menambahkan doktor² perubatan orang asli. Saya tahu, Tuan Pengerusi, di-Sungai Kuching, kawasan Ulu Tembeling, pada masa lawatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, dan saya sama² mengiringi, saya dapati

kedzaifan kaum asli di-tempat itu. Saya tidak fikir keadaan orang asli di-tempat itu maseh mengidap penyakit kulit, maseh ada penyakit untut sedang kita mempunyai team perubatan—doktor perubatan. Jadi, kalau sa-kira-nya kita maseh kurang doktor perubatan orang asli, kita boleh merayu kepada doktor² masok ka-dalam perkhidmatan doktor perubatan orang asli. Saya fikir ada pegawai perubatan yang sanggup, dan telah pun berchakap dengan saya, kalau sa-kira-nya di-tawarkan, beliau sendiri sanggup berkhidmat di-jabatan orang asli. Saya tidak hendak menyentuh banyak tentang orang asli ini, Tuan Pengerusi, sebab saya berjanji saya hendak berchakap banyak tentang soal pindaan undang² yang akan di-kemukakan di-dalam Dewan ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat—di-dalam Kementarian-nya ada Kementerian Tanah dan Galian, tetapi ada juga sa-bahagian dalam Jabatan ini ia-lah Forestry. Di-dalam Budget ini boleh kita lihat dengan terang Kementerian Hal-Ehwal Tanah dan Galian. Saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat supaya menchatitkan Kementerian Hal-Ehwal Tanah, Galian dan Kehutanan. Saya pernah berchakap beberapa tahun dahulu, Tuan Pengerusi, orang² forest ini, atau Kementerian Kehutanan ini bertukar daripada satu Menteri ka-satu Menteri, sa-hingga sampai kepada Menteri yang ada ini. Jadi, apa salah-nya sa-telah Yang Berhormat ini menguasa² tanah, menguasa² galian di-chatitkan menguasa² Kehutanan. Tuan Pengerusi, perkhidmatan orang forest, orang kehutanan ini, bukan sedikit, bukan kechil sa-kali pun telah melakukan permogokan pada suatu masa, jadi, tuan² tahu, lori balak yang keluar daripada negeri Pahang pada tiap² satu malam 130 buah, yang di-jaga, di-perhatikan oleh orang forest ini—satu jalan sahaja, dalam satu hari. Dan bermillion² ringgit Kerajaan Negeri mendapat faedah daripada perkhidmatan daripada orang forest ini. Mengapa nama Forest ini tidak kita masokkan? Mengapa tidak di-masokkan perkhidmatan Kementerian Hal-Ehwal Tanah Galian dan Kehutanan? Sudah-lah

jadi bola, daripada satu Menteri ka-satu Menteri, nama pun ta' ada—tenaga-nya kita hendak.

Tuan Pengerusi, manusia sentiasa hidup dalam puji—daripada kechil, anak yang baharu lahir, kita mengagah² anak itu supaya senyum sa-hingga sampai hayat, sampai kita besar dan dewasa ini pun kita berkehendakkan pujian. Jadi, chara puji itu tidak-lah sa-rupa—ada kala-nya di-beri bintang, di-beri J.M.N. umpama-nya, di-panggil Tan Sri, walau pun orang-nya itu sa-tengah²-nya tidak patut di-beri Kur-niaan Tan Sri—ini-lah 'alam, Tuan Pengerusi. Saya mengingat sahabat saya Menteri Yang Berhormat ini sa-orang kawan yang baik, pinda-lah sedikit—dan kerja ini pun tidak berat hanya menambahkan 6 potong huruf sahaja. Saya fikir ada baik-nya kalau sa-kira-nya perkara ini di-betulkan supaya membaiki hati mereka itu dan lebeh giat bekerja dan berkhidmat kepada negara dan tanah ayer kita.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya shorkan tambah Jabatan Mergastua dan Orang Asli.

Tuan Abdul Razak bin Hussin: Saya chadangkan satu, Tuan Pengerusi, sahabat saya chadangkan dua, tetapi Menteri kita fikir-lah mana na' pileh yang banyak-kah atau yang sedikit (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sekarang dalam Kementerian Mergastua, terutama dalam masaalah National Park—ada Butiran dalam Budget ini, Penyelenggaraan Burong² dan Binatang. Pada tahun dahulu jumlah di-untokkan \$300, pada tahun ini chuma di-untokkan \$200. Saya ta' tahu mengapa di-kechilkan—Sedangkan \$300 pun sudah kechil, di-kechilkan lagi hingga \$200 untok penyelenggaraan burung dan binatang.

Tuan Pengerusi, National Park ini memang dudok-nya dalam Kementerian Tanah. Tetapi dia ada kaitan dengan Kementerian Pelanchongan—Jabatan Pelanchongan—dalam Kementerian Perusahaan dan Perdagangan. Jadi saya berfikir, Tuan Pengerusi,

peruntukan yang tiga ratus ini dikurangkan dua ratus ada-lah mendukacitakan. Ini saya fikir tidak munasabah, kerana apa yang kita kehendaki sa-bagaimana yang saya kata tadi, ada perhubungan dengan Jabatan Pelan-chongan, kerana orang² luar negeri sentiasa melawat National Park ini, saya fikir peruntukan ini patut ditambah. Saya mengeshorkan kepada Menteri Yang Berhormat, supaya National Park itu, dalam masalah menyelenggara burong dan binatang² ini, bukan sahaja seperti sekarang tetapi kita mengadakan satu kumpulan binatang yang boleh kita jinakkan. Pada hari ini, Tuan Pengerusi, saya tahu, chuma ada sa-ekor rusa sahaja yang jinak di-National Park. Ini, memang betul jinak, macam kambing sahaja, Tuan Pengerusi. Tetapi apa salah-nya binatang lain ini kita jinakkan.

Tuan Pengerusi, chuma kalau kita hendak tengok binatang² kadang² menunggu pukul 11 malam, sa-kumpulan kerbau hutan, seladang, rusa akan datang ka-tempat itu. Sa-patut-nya patut kita ambil binatang itu kita perjinakkan. Alat sains kita ini boleh menurunkan kejantanan-nya, kita gunakan, supaya pelawat daripada luar negeri, atau orang daripada dalam negeri ini sendiri mengetahui ini rusa, ini kijang, ini pelandok, ini seladang. Jadi hari ini, Tuan Pengerusi, saya fikir Ahli² Yang Berhormat, banyak yang tidak hendak pergi ka-tempat ini, sungguh pun tempat ini menarek, tetapi oleh sebab tak ada benda ini, kurang perhatian. Jadi, kerana dalam soal ini, saya menhadangkan, Tuan Pengerusi, adakan bilek² gambar², gambar burong, gambar binatang. Apa jenis binatang yang ada dalam National Park ini atau ada dalam bumi kita Malaysia ini, supaya jadi perhatian dan pandangan pelawat² luar negeri.

Yang kedua dan kita usahakan chara mengeraskan binatang. Kita tinggalkan kulit-nya, atau di-keraskan, sekarang ini dia binatang itu kita boleh dapati, kalau kita melawat ka-rumah Menteri tetapi mungkin kaki gajah ada di-sana, harimau hutan, kucing

hutan yang sudah di-bekukan, yang di-keraskan. Tetapi tidak di-dapati di-National Park, di-tempat di-mana binatang itu di-pelihara atau di-kaji. Jadi macham saya, Tuan Pengerusi, sahingga hari ini saya, maseh belum berpeluang melawat ka-rumah Menteri². Apa tah lagi orang lain daripada Ahli Yang Berhormat umpama-nya tak ada peluang langsung. Saya tidak berhajat hendak minum teh Tuan Pengerusi, say chuma hendak menengok kaki gajah, tandok lembu, umpama-nya, tandok seladang yang ada di-rumah mereka itu. Jadi kalau sekarang tidak ada peluang itu apa salah-nya Kerajaan membuat satu bilek gambar yang mempunyai gambar yang menarek hati. Benda yang di-keraskan ini. Binatang hidup yang telah di-jinakkan yang diturunkan kejantanan-nya. Saya fikir, ini membantu dalam masaalah pelan-chong, sakali pun bukan tugas Menteri, atau Kementerian ini, tetapi sebab ada perhubungan National Park ini dengan Menteri Perdagangan, Kementerian Perdagangan, saya fikir Kementerian Perdagangan, boleh-lah berunding dalam masaalah ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengakhirkan ucapan saya ini untuk satu dua perkara lagi, ia-itu Pesuruh Jaya Tanah. Saya merayu kepada Menteri Yang Berhormat, dalam masaalah Undang² Harta Pusaka. Pada hari ini puak yang di-bicharakan di-bawah \$10,000, ada-lah kuasa Pemungut Khazanah Tanah membicharakan soal² tanah pusaka itu. Bila lebeh daripada \$10,000 terpaksa-lah perkara ini di-bawa ka-Mahkamah Tinggi. Jadi, Tuan Pengerusi, pembicharaan di-Mahkamah Tinggi ini-lah masaalah dalam masaalah ini, perantaraan surat-menyurat dengan mahkamah. Ini mengambil masa kadang² enam bulan. Jadi apa salah-nya. Tuan Pengerusi, kita menhadangkan supaya perbi-charaan kuasa, harta yang di-bawah \$25,000 boleh di-usahakan dan di-lakukan oleh Pegawai Khazanah Tanah Daerah dengan tidak payah pergi ka-Mahkamah Tinggi kerana orang² yang di-luar bandar bukan sahaja tidak ada duit, tetapi tidak tahu di-mana tempat yang hendak

di-tujukan. Kalau sa-kira-nya kita boleh mengurangkan, kita boleh meminda masaalah ini, saya fikir, ra'ayat di-luar bandar akan berterima kaseh bukan sahaja kapada Kementerian ini, tetapi kapada Menteri Yang Berhormat yang muda ini.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit atas masaalah penyusunan tanah Kelantan dan tadbiran Tanah Perlis. Mengikut Perlembagaan kita, Tuan Pengerusi, masaalah tanah ini ada-lah masaalah Kerajaan Negeri. Hasil tanah kita dalam sa-buah negeri itu sa-ratus peratus terpulang kapada Kerajaan Negeri. Jadi sekarang ini Kerajaan Pusat dengan belanja yang banyak menyiapkan pegawai dengan kaki-tangan-nya untuk perkara ini. Dan belanja² runchit O.C.A.R. ini, kerana hendak menyelesaikan masaalah tanah di-Kelantan dan Perlis. Dengan alasan-nya pertimbangan rasa dengan orang ramai di-tempat itu, kalau ini-lah sebab-nya beliau menimbangkan. Saya fikir, Tuan Pengerusi, masaalah ini, kalau sekali kita buat kita boleh benarkan Kelantan dan Perlis, apa hal Kerajaan lain, Kerajaan Negeri lain. Jadi kita banyakkkan peruntukan sahaja. Kita fikir tak patut-lah kita letakkan wang dengan bagini banyak dengan alasan kasehankan ra'ayat. Kita patut bagi tahu kapada Kerajaan umpamanya kapada ra'ayat Kelantan, kelemahan Kerajaan Kelantan sekarang ini, maka penyusunan tanah ini tidak dapat di-lakukan. Kapada tuan² sahaja yang boleh menchorakkan negara ini, atau negeri Kelantan ini sama ada memilih Kerajaan yang betul, jujur dan ikhlas, yang boleh kesanggupan, supaya ra'ayat tahu. Jadi sekarang ini jika dia tak jalan, kita tolong, ini berlawanan dengan Perlembagaan, Tuan Pengerusi, Saya fikir Yang Berhormat Menteri sa-bagai sa-orang loyar, supaya mengkaji dalam soal ini. Tetapi mengikut Perlembagaan ia-lah kuasa Negeri, biar-lah Negeri itu menyelesaikan. Saya sa-habis² kasehankan orang Kelantan ini sa-hingga saya sendiri berkawan pun orang Kelantan, tetapi belanja Kerajaan Pusat untuk negeri Kelantan mengapa? Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin-lah hendak minta

penjelasan kapada Menteri Yang Berhormat, supaya kekeliruan ini tidak dapat berpanjangan. Saya berterima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya tidak-lah berchadang hendak menukar nama Menteri ini daripada Menteri Tanah dan Galian tambah lagi Menteri Orang Asli, tambah lagi dengan Menteri Binatang, tambah lagi dengan Menteri apa-tidak!

Tuan Abdul Razak bin Hussin: Tidak, saya menchadang kehutanan sahaja. Saya tidak menchadangkan Menteri Orang Asli atau Menteri yang lain². Saya menambah Kementerian Hal Ehwal Tanah, Galian dan Kehutanan—dalam tanah, dalam bumi, atas bumi—meliputi. Kalau ada orang² asli dalam itu, dalam itu-lah terletak-nya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya tidak ada menchadangkan apa², chukup-lah dengan nama Menteri yang ada sekarang, bekerja dan mengambil kerja² yang ada di-dalam Kementerian-nya. Chuma saya suka menambah, apa yang di-sebut oleh sahabat saya dari Kuala Lipis tadi ia-itu di-muka surat 483, berkenaan dengan ranchangan penyelesaian tanah negeri Kelantan dan Perlis. Saya rasa berkenaan dengan penyelesaian tanah ini bukan-lah hanya berlaku di-negeri Kelantan, di-negeri Perlis—keadaan tidak selesai tanah ini bukan hanya berlaku di-dalam kedua buah negeri itu sahaja, tetapi berlaku banyak dalam negeri² yang lain, tetapi nampak-nya negeri Kelantan telah mendapat keutamaan dan negeri Perlis juga mendapat keutamaan berasaskan kapada apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri kerana kasehankan kapada ra'ayat negeri Kelantan. Saya rasa ra'ayat negeri Kelantan tidak akan kasehan kapada Menteri ini terutama sa-kali kapada Ahli Yang Berhormat daripada PAS dari Bachok terutama-nya dan dia tidak akan berterima kaseh kapada Menteri ini dan akan pulang-lah dia ka-sana dan kalau terjadi-lah penyelesaian tanah yang di-buat oleh Menteri ini dengan perbelanjaan yang bagini

banyak, maka nama penyelesaian-nya itu tidak kepada Kementerian kita, tetapi akan pergi-lah kepada negeri Kelantan sendiri. Ini juga sudah tentu-lah jadi—kita punya susah orang lain dapat nama.

Jadi, sa-bagaimana Yang Berhormat sahabat saya wakil dari Lipis mengatakan kenapa masaalah penyelesaian tanah di-Kelantan sahaja di-utamakan dan di-Perlis di-utamakan pada hal dalam negeri Perak mithal-nya dalam kawasan saya sendiri masaalah kusut tanah ini sudah lama berlaku tidak ada geran dia maseh T.O.L. dalam kawasan Hilir Perak ia-itu Sungai Manek dan Labu Kubong. Sudah pun saya kemukakan masaalah ini kepada Menteri Yang Berhormat ia-itu ada dan maseh ada lagi tanah² yang telah bertahun² lama-nya di-dalam peringkat T.O.L. juga dan beberapa tahun, lima enam tahun dahulu kawasan Labu Kubong dan Sungai Manek ini ada mendapat ganti rugi kerana padi mereka itu tidak jadi, dan duit-nya adalah sekarang di-berikan kepada petani. Dan wang itu tersimpan, ada suatu badan di-negeri Perak wang itu boleh di-pinjam oleh petani² tetapi dengan syarat bahawa mereka hendak-lah membawa geran mereka itu meminta dan meminjam duit yang di-berikan kepada mereka oleh Kerajaan.

Tetapi apa yang menjadi kemushkilan sekarang ini. Tuan Pengerusi, ia-itu petani² yang berhak menerima atau pun berhak meminta bantuan pinjaman itu tidak dapat. Sebab, tanah-nya tidak bergerak. Sudah bertahun² hal ini berlaku. Bukan sa-kali, bukan dua kali, bukan tiga kali kita sudah kemukakan masaalah ini, tetapi nampak-nya sungutan yang saperti ini tidak begitu di-indahkan malahan saya nampak negeri Kelantan-lah yang di-utamakan sa-hingga daripada empat ribu orang yang geran ada dahulu sekarang ini telah beratus² ribu yang ada geran. Jadi sebab itu saya rasa tidak adil Kementerian ini kalau hanya di-utamakan negeri Kelantan sedangkan negeri² yang lain—Perak, Kedah, Selangor, Pahang, umpama-nya—lebeh besar lagi masaalah tanah ini, terlalu rumit, terutama sa-kali manakala ber-

laku pemindahan yang beramai² daripada negeri Kelantan masok ka-negeri Pahang dan mereka ini semua sa-kali ia-lah orang² yang telah putus asa duduk dalam negeri Kelantan dan masok negeri Pahang dan duduk meng-ambil tanah dalam negeri Pahang dan tanah itu tanah di-istilahkan dengan tanah haram mithal-nya. Jadi, itu menimbulkan satu masaalah kekusutan tanah yang saya rasa dapat di-beri pertolongan kepada Kerajaan Pahang bagaimana hendak menyelesaikan-nya. Begitu juga dengan negeri² yang lain.

Jadi, saya harap-lah, Tuan Pengerusi, kepada Yang Berhormat Menteri ini supaya kalau hendak di-buat dua negeri ini sahaja, buat semua sa-kali negeri dalam Tanah Melayu kita ini. Kalau tidak, biar tidak semua-nya. Sebab, masaalah tanah ini masaalah Negeri bukan masaalah Federal dan kalau masaalah Negeri biar-lah di-selesaikan oleh Negeri dan kalau masaalah Federal kita selesaikan dia masaalah Federal sendiri. Jadi, itu-lah yang saya menarek perhatian dengan chara rengkas-nya kepada Menteri yang berkenaan supaya negeri² lain juga di-ambil perhatian tentang kekusutan penyelesaian tanah itu. Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan rengkas-nya dalam masa lima minit—yang pertama-nya meminta Yang Berhormat Menteri kita memansokhkan nama S. 57 ia-itu Hal Ehwal Orang Asli kepada Hal Ehwal Mempertingkatkan Tamaddun—Promotion of Organisation Affairs.

Tuan Pengerusi, yang saya minta bagini kita menyebut²kan nama orang asli ini sama-lah juga wujud-nya Red Indian di-Amerika. Lebeh baik-lah kita mansokhkan nama orang² asli ini, tetapi kita adakan peruntukan itu untuk mempercepatkan pembangunan tamaddun mereka itu maka perkataan² yang boleh menimbulkan perasaan inferiority complex tidak-lah berlaku di-kalangan ra'ayat negeri kita.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, boleh jadi orang menyangka saya tidak begitu bertimbang rasa dan berterima

kaseh kepada Yang Berhormat Menteri kita tetapi, Tuan Pengerusi, pada hari ini, Dewan ini dapat-lah menyaksikan bahawa saya-lah orang yang pertama sa-kali menyatakan simpati dan menerima kaseh dan saya-lah orang yang terakhir sa-kali yang tidak akan memperdulikan nasib Menteri kita itu ia-itu dengan mengemukakan bahawa Kementerian ini patut-lah mempunyai sa-orang Menteri Muda supaya dapat di-bagikan kerja itu dan dapat pula menolong kerja² yang pada masa ini terbengkalai banyak oleh kerana tidak dapat hendak di-tunaikan oleh Menteri kita ini. Jadi dengan demikian urusan tanah bagi negeri kita yang sedang maju ini dapat di-selesaikan dengan segera.

Saya tidak hendak berchakap apa berkenaan dengan usaha² yang di-buat di-Kelantan dan di-Perlis. Kerana Kelantan itu tempat saya mewakili di-dalam politik dan Perlis itu negeri saya sendiri. Jadi arti-nya dapat-lah kebaikan saya ka-dalam kedua² tempat itu. Chuma masalah ini, Tuan Pengerusi, kita tidak hairan kerana di-Sarawak sendiri saya dapati ada satu million yang kita beri sa-bagai contribution dalam S. 55 muka 498 ia-itu di-bawah Special Expenditure Pechahan-kepala—Butir 12. Tahun sudah kita ada dua ribu pada tahun ini \$10,000. Jadi kita, tidak silap, Tuan Pengerusi, ia-itu di-bawah S. 53 muka surat 490 O.C.A.R. Pechahan-kepala 11 pada tahun ini kita ada satu million kita bagi contribution kepada kerja² di-Sarawak, ma'ana contribution atau pun bayaran sa-macam ini erti-nya tidak menjadi kewajipan kita. Kalau begitu di-Sarawak kita boleh bagi satu million maka Kelantan dan Perlis ada-lah menjadi satu negeri di-dalam Malaya ini yang menjadi Malaysia Barat maka saya rasa tidak-lah itu merupakan satu pilihan kaseh atau pun hendak mengutamakan sa-bagai-nya. Jadi, tidak timbul perkara itu hanya orang² yang suka mengatakan sa-suatu dapat-lah mereka mengatakan sa-suatu. Ada pun berkenaan

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya suka memberi penerangan, Tuan Pengerusi, saya sangat hairan kepada

Pejabat Tanah dan Ukor Sarawak kerana kerja² Persekutuan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya faham kalau-lah tidak kerana Persekutuan tentu-lah kita tidak membayar. Tetapi kalau sa-kiranya benda itu kerja daripada Persekutuan, lebeh baik di-salorkan melalui P.E. atau pun sa-bagai-nya tidak membayar, menyuruh orang itu membuat kerja sa-olah²-nya kita bayar bagi negeri lain membuat kerja. Saya sedar perkara itu. Mengapa tidak di-masokkan dalam P.E., Tuan Pengerusi, saya menyokong lagi satu ia-itu di-bawah P.E. bagi Kementerian ini butir 2A, Pengerusi Lembaga Pemuliharaan dan Penyatuan Tanah Negara. Kita mempunyai token sa-banyak \$10. Saya berterima kaseh-lah kepada Menteri ini supaya di-segerakan jawatan itu kerana ini-lah satu perkara yang besar di-dalam perubahan tanah kita bagi tahun 1967 ini.

Di-bawah S. 54 kita dapat pakar² daripada Canada sa-banyak tujuh orang. Tetapi mengapa-kah, Tuan Pengerusi, kita tidak dapat sama menchari pakar daripada bahagian Asia? Sebab mengikut report² berkenaan dengan urusan yang sa-macam ini ada banyak pakar² dari Asia dan saya rasa mereka itu lebeh hampir dengan nature di-negeri kita ini. Dan banyak-lah pakar² yang telah membuat penyiasaan tanah ini apabila mereka mengeluarkan penyata mereka itu, mengikut bahawa expert daripada Asia sendiri boleh membuat kerja ini dan mereka itu mempunyai pengalaman yang lebeh hampir daripada pakar² daripada Eropah atau pun Amerika atau pun Canada.

Berkenaan dengan S. 55 muka surat 498 Pechahan-kepala 12. Kita pada tahu ini meminta belanja sa-banyak \$10,000 untuk mengadakan Aerial Photo atau pun Photo Udara. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya mengshorkan bahawa bukan sahaja photo udara yang kita adakan tetapi photo teruna juga kita adakan ia-itu yang saya maksudkan photo teruna ia-lah sa-tengah² penyiasaan itu di-buat map atau peta menggambarkan isi bumi

yang dari dalam. Maka dengan demikian dapat-lah kita menyiasat lubok² atau pun bahagian di-dalam tanah seolah² kita lihat benda itu dari dalam. Dengan demikian dapat-lah satu gambaran yang tidak nyata itu dapat dinyatakan dan ini mustahak juga bagi pelawat² dan bagi sekolah².

Tuan Pengerusi: Berapa minit lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya hendak habiskan, sa-minit sahaja lagi saya hendak habiskan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penyelesaian tanah di-Kelantan juga saya sebut sedikit, ia-itu masalah ini saya perchaya Yang Berhormat Menteri kita boleh jadi dalam chakap²-nya itu ada sedikit² menyebutkan perkataan² yang di-keluarkan daripada lisan-nya tetapi tidak-lah dari dalam lubok hatinya. Kerana masalah penyelesaian tanah ini ada-lah masalah national dan saya tidak-lah suka hendak berchakap dari segi politik sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak yang lari daripada Kelantan masuk parti lain. Jadi, jangan-lah kita jadikan perkara² ini sa-bagai satu masalah yang berbau politik, sedang perkara ini terbengkalai daripada tahun 1956 lagi ia-itu daripada Kerajaan Perikatan memerintah pada masa itu. Saya menerima kaseh dan saya akan menjemput Menteri ini pergi khas ka-rumah saya dan saya tidak mustahak-

lah hendak menang lagi dalam pilihan raya kalau negeri kita ini aman dan damai.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1967 telah sampai kepada Kepala S. 57 bagi jadual dalam Rang Undang² ini.

ADJOURNMENT OF THE HOUSE

(MOTION)

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

"Bahawa pertimbangan urusan yang ada di-hadapan Majlis ini di-tempohkan dan Majlis ini di-tanggohkan sekarang."

Tuan Abdul Rahman bin Haji Talib: Saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

"Bahawa pertimbangan urusan yang ada di-hadapan Majlis ini di-tempohkan dan Majlis ini di-tanggohkan sekarang."

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi hari Ithnin.

Adjourned at 1.00 p.m.